

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 DECEMBER 2016

Batas Kedah minta bekas PM bertaubat

KUALA LUMPUR 7 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu segera bertaubat dan menginsafi bahawa tindakan bersekongkol dengan pembangkang khususnya DAP jelas melencong daripada perjuangan bangsa Melayu yang pernah ditegakkannya sebelum ini.

Pengerusi Badan Amal Tarbiah Sejagat (Batas) Kedah, **Hafizam Harun** berkata, Dr. Mahathir selaku pemimpin yang pernah dikagumi rakyat khususnya kaum Melayu dan penganut Islam, tidak sepatutnya menyokong DAP yang secara terang menolak Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

“Bertaubatlah sebelum terlambat. Adakah Tun Dr. Mahathir begitu mudah ditipu sehingga tidak dapat menilai dan membezakan siapakah sebenarnya DAP.

“Memang hak beliau untuk tidak menyokong UMNO kerana masih ada lagi yang tidak menyokong tetapi tidak perlu

menggadaikan maruah sehingga sanggup menjadi kuda tunggangan DAP bagi memusnahkan parti Melayu. Ini adalah satu perkara yang tak dapat diterima,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahad lalu, Dr. Mahathir yang menghadiri Persidangan Kebangsaan DAP 2016 dilaporkan bukan sahaja memuji DAP malah mengambil kesempatan memburuk-burukkan UMNO dan MCA selain menggunakan pentas politik DAP itu untuk mempersendakan Nabi Muhammad SAW dengan mengaitkannya berhubung isu 1MDB.

Sementara itu, Ahli Majlis Sekretariat NGO Bersekutu Malaysia, **Muhammad Zhafirin Mat Yusof** berkata, Dr. Mahathir telah hilang kredibiliti sebagai seorang pemimpin yang selama ini tegas dalam perjuangannya dan kini



HAFIZAM HARUN

beliau dianggap seorang hipokrit dan tidak berpendirian.

“Tun Dr. Mahathir dilihat seperti hilang arah tuju kerana sanggup menjual maruah agama, bangsa dan negara demi kepentingan peribadi. Jika dahulunya beliau mengkritik pemimpin

DAP adalah parti yang rasis, kini beliau ‘berjabat tangan’ pula dengan mereka.

“Dalam pada itu, tindakan Tun Dr. Mahathir menghina pemimpin-pemimpin Islam yang berhimpun demi solidariti masyarakat Islam Rohingya Ahad lalu adalah suatu tindakan biadab sedangkan beliau hadir ke persidangan DAP di saat umat Islam melaungkan takbir,” katanya yang juga Exco Pemuda UMNO Bukit Bintang.